

BUKU PERTAMA SAYA TENTANG PALESTIN





Assalamualaikum...

Nama saya ialah Ahmad dan saya adalah seorang muslim dari negara Palestin.

Mari saya beritahu kalian tentang negara saya dan kenapa ianya penting buat semua orang Islam.

Negara Palestin



Inilah negara saya, jarak ke Mekah lebih/kurang dalam 1 700 km.

Palestin adalah sebuah negara kecil di kelilingi negara arab yang lain.





Dalam kitab suci Al-Quran,
Allah SWT telah menamakan
Palestin sebagai tanah suci
umat Islam.

(Surah Al-Ma'idah, ayat 21)

(Nabi Musa A.S berkata lagi): "Wahai kaumku, masuklah ke Tanah Suci (Palestin) yang telah diperintahkan oleh Allah untuk kamu (memasukinya); dan janganlah kamu berbalik undur ke belakang, (kalau kamu undur) maka kamu kelak menjadi orang-orang yang rugi (di dunia dan di akhirat)".



*Boleh anda
teka masjid
apakah itu*

*Di Palestin terdapat sebuah
masjid yang sangat penting dalam
sejarah Umat Islam.*

*Masjid Al-Aqsa ini berada di
tengah halaman yang bertempat
di Jerusalem.*



Ya, Benar.



*Masjid
Al-Aqsa atau
ia disebut
sebagai
Baitul Maqdis.*





Masjid al-Nabawi



Masjid al-Haram



Masjid al-Aqsa

(Nabi Muhammad SAW berkata):-

*Janganlah bersungguh-sungguh untuk
pergi mengembara melainkan kepada
tiga masjid iaitu masjidku ini
Masjid al-Nabawi (Madinah), Masjid
al-Haram (Mekah) dan Masjid al-Aqsa.*

(Riwayat Imam al Bukhari : 1132)



1 000 x
Masjid al-Nabawi



500 x
Masjid al-Aqsa



1 x
Masjid biasa

*Solat di Masjid al-Aqsa pahalanya
adalah sebanyak **500 kali ganda**
berbanding Masjid biasa dan ia juga
separuh ganda dari Solat di Masjid
al-Nabawi (Madinah).*

Bani Israil adalah bermulanya dari keturunan 12 kabilah anak Nabi Yaakub a.s bin Nabi Ishak a.s bin Nabi Ibrahim a.s



Zaman berlalu agak panjang, kesombongan dari kuasa bermulalah pemerintahan Firaun (raja) di Mesir dengan pendustaan agama kerana kuasa. Bani Israil ketika itu ramai dijadikan hamba kepada Firaun. Nabi Musa a.s dilahirkan ketika zaman itu dan diambil (anak angkat) oleh isteri Firaun Asiyah setelah dijumpai di Sungai Nil.



Asiyah (isteri Firaun) membesarkan Nabi Musa a.s. Ringkasan kisah, Nabi Musa a.s berjaya membebaskan Bani Israil ke seberang laut dengan membelah Laut Merah dan menenggelamkan Firaun bersama tenteranya.

Kitab Taurat diturunkan kepada Nabi Musa a.s untuk disampaikan kepada umatnya agar menyembah ALLAH. Bani Israil menolak permintaan Nabi Musa a.s untuk ke Palestin. Malah meminta Nabi Musa a.s membinakan satu berhala baru untuk disembah yang mencontohi bangsa Samiri. Bani Israil kini berpecah kepada beberapa golongan termasuklah Bangsa Yahudi.




Bani Israil juga menyelewengkan kitab Taurat yg diturunkan kepada Nabi Musa a.s kerana menolak bahawa Nabi paling terakhir nanti adalah bukan dari bangsa Bani Israil tetapi bangsa arab (Nabi Muhammad SAW).

Nabi Musa a.s memohon pertolongan Allah sebab tak punya daya menghadapi kaumnya.

*Maka Allah turunkan hukuman bagi kaum Bani Israil yang fasik, tersesatlah mereka di padang pasir selama **40 tahun** tanpa arah tuju.*

(Surah al-Ma'idah, ayat 25 - 26)



Pada kali ini Nabi Musa a.s wafat sebelum memasuki Palestin, keberanian Nabi Yusha a.s anak muridnya bersama beberapa baki pengikut Bani Israil berjaya mengambil kembali tanah suci Baitul Maqdis dari tompok penjajah bangsa Kanaan. Mukjizat Nabi Yusya a.s adalah berdoa memohon agar lambatkan matahari terbenam sehingga berlaku kemenangan.

*Baitul Maqdis sekali lagi dijajah,
Setelah kewafatan Nabi Yusha a.s
berlaku penjajahan pula oleh Raja Jalut
bangsa Balthata (tubuh gergasi).*



Tentera Talut di Palestin ketika itu diketuai oleh Nabi Daud a.s. Mukjizat Nabi Daud a.s adalah boleh melembutkan besi walaupun sangat keras. Kemenangan Nabi Daud a.s menawan kembali Baitul Maqdis membuahkan jasanya Raja Thalut mengahwinkan Nabi Daud a.s dengan puteri perempuannya dan hasil perkahwinan itu lahirnya Nabi Sulaiman a.s.

*Nabi Daud a.s menjadi Raja
di Palestin setelah itu.*

*Kitab Zabur diturunkan kepada Nabi
Daud a.s untuk menyampaikan kepada
seluruh kaum di zamannya tatacara
solat, berpuasa dan pujian kepada
ALLAH.*



Nabi Sulaiman a.s mewarisi kerajaan Palestin dan kekayaan dari Raja Nabi Daud a.s. Seperti setiap Nabi mempunyai mukjizat, Nabi Sulaiman a.s boleh mengarahkan angin, haiwan dan jin untuk membuat sesuatu. Nabi Sulaiman a.s membangun kembali Masjid Al-Aqsa yang roboh akibat perperangan lalu.

Nabi Sulaiman a.s antara raja yang terkaya di muka bumi ini dengan lantai dan bumbung istananya terdiri daripada emas. Kewafatan baginda hanya diketahui awal oleh anai-anai dan apabila tongkat yang dimakannya rapuh dan baginda jatuh dari duduk bertongkatkan dagu. Maka semua pembesar dan jin-jin menyedari baginda telah wafat sekian lama.



Kompleks Al-Aqsa

*Palestin juga adalah tempat tinggal
kepada Nabi yang lain juga seperti :*

Nabi Ibrahim a.s

Nabi Ishaq a.s

Nabi Yaakub a.s

Nabi Yusuf a.s

Nabi Lut a.s

Nabi Zakaria a.s

Nabi Yahya a.s

Nabi Saleh a.s

Nabi Isa a.s





Maka, Masjid al-Aqsa merupakan hak sepenuhnya bagi kaum Muslimin yang diwariskan oleh para Nabi dan Rasul hingga Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallam.

Oleh itu sebagai orang yang beriman, kita wajib meyakinkannya dan wajib untuk menjaga dan membelanya.

Siapakah nabi yang dimakamkan di Masjid al-Aqsa?

Masih dikutip dalam kitab yang sama, bahawa para nabi yang dimakamkan di sekeliling Masjidil Aqsa di antaranya:



Nabi Ibrahim a.s dan isterinya Sayyidah Sarah



Nabi Ishaq a.s dan isterinya



Nabi Ya'qub a.s dan isterinya

